

YTL HOSPITALITY REIT

(ditubuhkan di Malaysia menurut surat iktan bertarikh 18 November 2005 (seperti dinyatakan semula dan dipinda))

NOTIS MESYUARAT AGUNG TAHUNAN

NOTIS ADALAH DENGAN INI DIBERIKAN BAHAWA Mesyuarat Agung Tahunan YTL Hospitality REIT ("REIT") yang keenam akan diadakan di Starhill 2, Aras 4, JW Marriott Hotel Kuala Lumpur, 183 Jalan Bukit Bintang, 55100 Kuala Lumpur pada hari Khamis, 18 Oktober 2018 pada jam 3.00 petang untuk menjalankan urusan berikut:-

URUSAN BIASA

Untuk membentangkan Penyata Kewangan yang telah diaudit bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2018 dan Laporan-laporan berkaitan dengannya.

**Sila rujuk
Nota
Penjelasan A**

Dengan Perintah Lembaga Pengarah
Pintar Projek Sdn Bhd (314009-W)
(Pengurus YTL Hospitality REIT)

**Kuala Lumpur
30 Ogos 2018**

**Ho Say Keng
Setiausaha Syarikat**

Nota-nota:-

- 1. Seorang pemegang unit yang layak untuk hadir dan mengundi pada mesyuarat boleh melantik seorang proksi untuk hadir dan mengundi bagi pihaknya. Seorang proksi boleh, tetapi tidak semestinya, merupakan seorang pemegang unit REIT. Seorang pemegang unit selain daripada nomini yang diberi kuasa tidak berhak untuk melantik lebih daripada satu proksi untuk hadir dan mengundi pada mesyuarat yang sama, dan di mana pemegang unit tersebut melantik lebih daripada satu proksi untuk hadir dan mengundi pada mesyuarat yang sama, pelantikan sedemikian adalah tidak sah.*
- 2. Di mana seorang pemegang unit ialah seorang nomini yang diberi kuasa sebagaimana ditakrifkan di bawah Akta Industri Sekuriti (Depositori Pusat), 1991, ia boleh melantik sekurang-kurangnya satu proksi (tetapi tidak melebihi dua proksi) berhubung setiap akaun sekuriti yang dipegang dengan unit-unit yang berada dalam kredit akaun sekuriti tersebut. Di mana pemegang unit melantik dua orang proksi, perantikan tersebut akan menjadi tidak sah melainkan pemegang unit menyatakan bahagian pegangan sahamnya yang akan diwakili oleh setiap proksi.*
- 3. Di mana seorang pemegang unit ialah nomini diberi kuasa yang dikecualikan yang memegang unit dalam REIT bagi beberapa pemegang benefisiari dalam satu akaun sekuriti ("Akaun Omnibus"), tiada had kepada bilangan proksi yang boleh dilantik oleh nomini diberi kuasa yang dikecualikan tersebut berhubung setiap Akaun Omnibus yang dipegang.*
- 4. Borang Proksi asal dan Surat Kuasa Wakil atau pihak berkuasa lain (jika ada) yang telah ditandatangani, atau salinan yang diperakui oleh penyaksi awam hendaklah diserahkan di pejabat Pintar Projek Sdn Bhd ("Pengurus") di Tingkat 11, Yeoh Tiong Lay Plaza, 55 Jalan Bukit Bintang, 55100 Kuala Lumpur, tidak kurang daripada 48 jam sebelum waktu yang ditentukan bagi mesyuarat atau mana-mana penangguhannya.*
- 5. Bagi sebuah perbadanan, Borang Proksi hendaklah dilaksanakan menggunakan meterai rasmi atau ditandatangani oleh seorang pegawai atau wakil yang diberi kuasa sewajarnya oleh perbadanan.*
- 6. Bagi tujuan menentukan pemegang unit yang berhak untuk menghadiri mesyuarat, Pengurus hendaklah memohon Bursa Malaysia Depositori Sdn Bhd, menurut Seksyen 34(1) Akta Sekuriti Industri (Depositori Pusat) 1991 untuk mengeluarkan Rekod Pendeposit Mesyuarat Agung pada 11 Oktober 2018. Hanya pendeposit yang namanya tersenarai dalam Rekod Pendeposit Mesyuarat Agung pada 11 Oktober 2018 layak untuk hadir pada mesyuarat tersebut atau melantik proksi untuk hadir bagi pihaknya.*

Nota Penjelasan A

Tidak ada pengundian untuk Urusan Biasa di atas memandangkan pembentangan Penyata Kewangan yang telah diaudit REIT bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2018 dan Laporan-laporan berkaitan dengannya untuk pemegang-pemegang unit pada Mesyuarat Agung Tahunan adalah untuk tujuan perbincangan sahaja mengikut Perenggan 13.18 Garis Panduan Amanah Pelaburan Hartanah Tersenarai yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.